

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1993/94

Oktober/November 1993

SAU369 - Kaum Wanita dan Masyarakat

Masa : (2 1/2 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA soalan. Bahagian A DIWAJIBKAN dan pilih DUA soalan dari Bahagian B.

Bahagian A (Soalan ini WAJIB dijawab).

1. Keganasan terhadap wanita kian meningkat kebelakangan ini di Malaysia. Dengan berfokus kepada keganasan rogol dan pemukulan isteri, analisis punca dan sebab kejadian ini, dan peranan yang dimainkan oleh kerajaan (state) serta institusi-institusi lain yang terlibat dalam mengendalikan kes-kes keganasan tersebut.

[40%]


Bahagian B (Jawab DUA soalan sahaja).


2. "Hak-hak wanita adalah hak-hak asasi manusia" antara saranan dalam Persidangan Hak-Hak Asasi Manusia di Vienna (1993). Beri analisis anda mengenai kenyataan di atas ini dan mengapakah persamaan diberi di antara hak wanita dan hak asasi manusia.

[30%]

3. Kesedaran feminisme di Malaysia belum berakar umbi dan tertumpu hanya kepada segelintir pertubuhan wanita. Bincangkan sebab-sebab mengapakah wujudnya keadaan demikian terutamanya faktor-faktor yang menghinder kesedaran tersebut. Bagaimanakah anda dapat merancang supaya kesedaran ini dapat dipersebarkan di kalangan wanita (dan lelaki juga).

[30%]





4. Pasaran buruh di negara ini masih bersegregasi mengufuk dan mendatar di antara lelaki dan perempuan. Bagaimanakah boleh wujudnya keadaan demikian dan di sektor manakah tertumpunya pekerjaan wanita? Bincangkan implikasi-implikasi keadaan ini ke atas kerjaya wanita dan taraf hidup mereka. Beri cadangan supaya segregasi dapat dikurangkan di masa hadapan.

[30%]

5. Masih terdapat perbezaan hak-hak lelaki dan wanita dalam perundangan sivil dan syariah di Malaysia. Beri analisis tentang mengapa wujudnya perbezaan ini dengan memberi contoh-contoh yang sesuai. Bagaimanakah perbezaan ini memberi kesan-kesan kepada perhubungan jantina dalam masyarakat kini.

[30%]

6. Norma seks merupakan satu bentuk kawalan sosial. Di Malaysia bincangkan institusi-institusi yang membentuk (construct) norma dan nilai seks ini. Bandingkan norma seks bagi kaum lelaki dan perempuan dan implikasi-implikasinya ke atas ideologi dan perhubungan jantina.

[30%]